

**ANALISIS PENTAKSIRAN KEMAHIRAN INSANIAH MENGGUNAKAN  
RUBRIK TERHADAP AMALAN PENSYARAH: SATU KAJIAN RINTIS**  
*Analysis for Soft Skills Assessment Using Rubrics of the Lecturer Practice: A Pilot Test*

Rusmawati Othman & Mohd. Isha Awang  
[rusma987@gmail.com](mailto:rusma987@gmail.com) & [isha@uum.edu.my](mailto:isha@uum.edu.my)  
Universiti Utara Malaysia, UUM

**ABSTRAK**

Masyarakat abad ke-21 menyaksikan anjakan dari industri berasaskan bahan kepada industri berasaskan pengetahuan. Berikutan itu, pendidikan berubah kepada satu sistem pemerolehan ilmu yang kompleks dan lebih kompeten. Pentaksiran konvensional melalui ujian bertulis beralih kepada penilaian proses yang menuntut tenaga pengajar menjadi pemerhati sehinggalah produk akhir dihasilkan. Namun sejauh mana pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) mengamalkan pentaksiran kemahiran insaniah melalui pemerhatian menggunakan rubrik masih menjadi tanda tanya. Kajian ini merupakan satu tinjauan awal untuk melihat sejauh mana pensyarah IPG mengamalkan pentaksiran mengikut rubrik yang digagaskan oleh Arter dan McTighe (2001). Kajian rintis ini melibatkan 42 orang pensyarah satu IPG Zon Utara melalui soal selidik. Data dianalisis secara deskriptif iaitu min dan sisihan piawai dengan menggunakan *statistical package for social science* (SPSS) versi 20.0. Secara keseluruhan, data menunjukkan amalan pensyarah dalam konstruk yang dikaji iaitu penjajaran hasil pembelajaran kursus dan pembinaan rubrik serta kejelasan rubrik semasa membuat pemerhatian berada pada tahap sederhana (min=3.53; SD=0.75). Ujian Pekali Korelasi Pearson menunjukkan amalan pentaksiran akan bertambah baik apabila pengalaman semasa mengikuti kursus meningkat. Walau bagaimanapun hubungan itu sederhana kuat ( $r=0.472$ ). Adalah diharapkan dapatan ini dapat menambah baik proses pentaksiran kemahiran insaniah pensyarah melalui rubrik untuk memantapkan kesahan dan kebolehpercayaan pemarkahan.

**Kata kunci:** pentaksiran kemahiran insaniah, pemerhatian, rubrik, kesahan, kebolehpercayaan.

### **ABSTRACT**

*Society of the 21st century saw a shift from material-based industries to knowledge-based industries. Consequently, education is changing to a system of acquiring knowledge of the complex and more competent. Conventional assessment through a written test switch to the evaluation process which requires educators to be observers until the final product is produced. But the extent to which lecturers were practicing assessment of soft skills through observation using a rubric is still a question mark. The study is a preliminary survey to see how far the lecturers were adopted by rubric assessment envisaged by Arter and McTighe (2001). This pilot test involved 42 lecturers from Northern Zone Institut Pendidikan Guru through questionnaires. Data were analyzed descriptively the mean and standard deviation using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20.0. Overall, the data indicate that the practice of lecturers in the dimension studied, the alignment of learning outcomes and course construction as well as clarity rubric while making observations at a moderate level (mean = 3.53; SD = 0.75). Pearson correlation coefficient test showed assessment practice will improve as experience increases during the course. However the relationship was moderately strong ( $r=0.472$ ). It is hoped that these findings could improve soft skills lecturer assessment process through the rubrics to strengthen the validity and reliability of the scoring.*

**Keywords:** *soft skills assessments, observation, sections, validity, reliability.*

## **1.0 PENDAHULUAN**

Pendidikan Berasaskan Hasil Pembelajaran (OBE) memberi fokus bukan sahaja kepada keputusan peperiksaan akhir pelajar dalam domain kognitif, tetapi juga terhadap hasil pembelajaran lain iaitu domain psikomotor dan afektif sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung (MQA, 2008; KPTM, 2011). Kualiti akademik yang cemerlang sahaja tidak menjamin seseorang itu berjaya dalam menjawat sebarang jawatan. Kemahiran Insaniah (KI) adalah antara elemen yang dikenal pasti amat kritikal dalam dunia pekerjaan terutamanya dalam masyarakat abad ke-21 yang mana perubahan sentiasa berlaku (IPGM, 2016). Modus operandi pelaksanaan penerapan kemahiran insaniah di Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah berpandukan kepada kaedah penyampaian dan aktiviti pentaksiran. Pelaksanaan aktiviti pentaksiran dipantau untuk memastikan penajajaran konstruktif dalam penyampaian pada peringkat kursus atau program di IPG berlaku.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Pelaksanaan transformasi pendidikan negara dan pelbagai reformasi pendidikan sebelum ini telah menjadikan peranan dan tanggungjawab para guru menjadi lebih besar, mencabar dan kompleks. Perubahan yang berlaku dalam pendidikan negara seperti pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), Pengajaran Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), Pembelajaran Sepanjang Hayat, cadangan mewajibkan lulus subjek Bahasa Inggeris, dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah menambahkan lagi tanggungjawab serta beban tugas guru-guru di sekolah (Sabddin Hussin Alipin, 2013).

Beban tugas yang pelbagai dan ketidakceapan mengurus masa yang singkat telah menimbulkan stres di kalangan guru. Syed Sofian dan Rohany Nasir (2010), bersetuju bahawa cabaran dan tanggungjawab yang bertambah sering dikaitkan dengan fenomena guru mengambil keputusan menukar kerjaya dan bersara lebih awal. Isu tentang guru novis juga sering diperkatakan walaupun banyak pendekatan dan penambahbaikan dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institut Pendidikan guru bagi menangani masalah ini (Fatiha Senom, Abd Razak Zakaria, Shanina Sharatol Ahmad Shah, 2013). Guru baharu ini dikatakan tidak berupaya menyesuaikan diri dengan masyarakat sekolah

dan tidak boleh menerapkan ilmu dan kemahiran yang diperolehi. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dan kokurikulum ditangani secara tidak berkesan. Guru sendiri juga tidak menunjukkan penampilan diri yang meyakinkan sebagai guru (Yusof Boon & Tumirah Jemon, 2011).

Majikan dan persatuan industri sering mengaitkan kekurangan kemahiran insaniah seperti etika kerja yang positif, kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, kebolehan membuat keputusan dan kepimpinan sebagai faktor utama yang menjejaskan kebolehpasaran siswazah (World Bank, 2012). Dalam bidang pendidikan, Pasanen (2000) menyatakan aspek kemahiran sosial boleh menjadi kekuatan ke atas tingkah laku warga organisasi terutama berkaitan kesetiaan seseorang terhadap bidang kerjaya dan organisasi tempat mereka bekerja. Kemahiran ini jika digunakan oleh guru dengan pihak pentadbir, guru dengan guru, guru dengan pelajar dan ibu bapa dengan pelajar akan dapat mengelakkan para guru dari niat berhenti dari kerja perguruan yang telah mereka ceburi.

Memandangkan terdapat jurang yang besar antara tahap kompetensi guru Malaysia dengan piawaian antarabangsa, isu ini perlu ditangani bagi memastikan negara mempunyai guru yang berkemahiran, serba boleh dan kebolehpasaran yang tinggi. Lantaran itu, kajian pemerolehan kemahiran insaniah di kalangan siswa pendidik IPG melalui instrumen penilaian rubrik yang tekal khususnya dalam rangka untuk membentuk kualiti guru perlu dilaksanakan. Diharapkan pentaksiran yang benar-benar mematuhi konsep psikometrik dapat menjadi saringan bermakna dalam membentuk dan mengukur kualiti guru sebagaimana yang diharapkan.

## **2.0 TINJAUAN LITERATUR**

Kualiti guru dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan terangkum dalam lapan domain Hasil Pembelajaran Program (PLO) iaitu (a) pengetahuan dan kefahaman; (b) kemahiran praktikal; (c) kemahiran sosial dan tanggungjawab; (d) etika, profesionalisme dan kemanusiaan; (f) komunikasi, kepimpinan dan kemahiran berpasukan; (g) kaedah saintifik, pemikiran kritikal dan kemahiran penyelesaian masalah; (h) pembelajaran sepanjang hayat; dan (i) kemahiran pengurusan dan keusahawanan (Bahagian Pendidikan Guru, 2007). Enam dari lapan PLO adalah elemen kemahiran insaniah (KI). Ini


menunjukkan peri pentingnya KI dalam sistem Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan keluaran IPG.

Bukan sahaja di Malaysia, gelombang KI dalam institusi pendidikan juga turut dirasai di negara luar. Kajian secara empirikal menunjukkan program pendidikan guru yang dirangka dengan baik memberi peluang kepada guru praperkhidmatan mengaplikasikan teori, pengetahuan, amalan pedagogi, serta lebih memahami kepelbagaian pelajar dalam proses membentuk kualiti guru ke arah menghasilkan pendidikan berkualiti (Brownell, Ross, Colon, & McCallum, 2005; Yoon, Duncan, Lee, Scarloss, & Shapley, 2007). Cranmer (2006), membincangkan pembangunan amalan pedagogi untuk membina KI dengan menyebut kaedah terapan dan kaedah mandiri sebagaimana yang turut dicadangkan dalam modul Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). Perhatian juga beralih kepada bagaimana untuk memantapkan lagi kaedah melalui penyebatian aktiviti pembelajaran profesional (Lawson, Papadopolous, Fallshaw, & Zanko, 2011) dan pembelajaran berorientasikan situasi kerja sebenar (Coiacetta, Jones, & Jackson, 2011; Paisey, 2010).

Interaksi dunia sebenar memberi ruang kepada pelajar mengaplikasikan pembelajaran secara kontekstual (Pritchard, 2013). Penerokaan kosa ilmu menyaksikan wujudnya ketidakselarasan tafsiran unsur KI. Isu ini menyumbang kepada kelemahan aspek pentaksiran dari segi kesahan dan kebolehpercayaan. Faktor ini tidak boleh dipandang remeh kerana tuntutan agenda KI memerlukan satu inisiatif yang padu untuk mengatasi kekurangan dalam pelaksanaan. Dalam pentaksiran, penggunaan rubrik sebagai medium komunikasi yang jelas untuk mengukur KI tidak dapat dinafikan kelebihanannya. Walau bagaimanapun, tinjauan kosa ilmu menunjukkan tidak banyak kajian dibuat tentang penggunaan rubrik sebagai alat pengukuran autentik untuk mengukur pencapaian KI.

## **2.1 Kerangka Konseptual**

Kerangka konseptual kajian ini diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh Mohd Sahandri Gani Hamzah, Noor Shah Saad, Husni Zaim Khairun Nasri & Nur Nazurah Mat Yusof (2013). Merujuk kepada Rajah 1, peringkat kajian terdiri dari tiga aras iaitu input, proses serta produk. Dimulai dengan "Input" iaitu proses tinjauan literatur dan perbincangan bersama pakar. Kajian terdahulu berkaitan rubrik dan pentaksiran autentik dibuat. Rujukan utama pembinaan rubrik adalah Popham (1997) manakala bagi kriteria pembinaan rubrik adalah Arter dan McTighe (2001).



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Amalan Pentaksiran Kemahiran Insaniah Melalui Rubrik.

Disusuli langkah “Proses” iaitu meneroka amalan pentaksiran pensyarah. Metarubrik (rubrik untuk rubrik) yang digagaskan oleh Arter dan McTighe (2001), menjadi garis panduan. Metarubrik ini menetapkan empat ciri pembinaan dan pelaksanaan rubrik yang baik. Ciri itu adalah kandungan, kejelasan, kebolehgunaan dan keadilan. Amalan yang dilakukan oleh pensyarah dinilai berdasarkan penjajaran konstruktif hasil pembelajaran kursus dan perlakuan yang dinilai dalam kerja kursus. Akhirnya, data dari instrumen yang telah ditadbir akan dianalisis. Dengan ini, “produk” dihasilkan iaitu satu data amalan pentaksiran kemahiran insaniah melalui pemerhatian dan rubrik untuk langkah penambahbaikan.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini berdasarkan tujuan berikut:

- i. Mengkaji tahap amalan penjajaran konstruktif isi kandungan semasa pembinaan rubrik.
- ii. Mengkaji tahap amalan kejelasan kriteria semasa menggunakan rubrik.
- iii. Mengkaji hubungan antara amalan pembinaan dan penggunaan rubrik dengan bilangan kursus yang dihadiri.

#### **4.0 PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan kepada objektif kajian, beberapa soalan kajian akan dijawab dalam kajian ini seperti berikut:

- i. Apakah tahap amalan penjajaran konstruktif isi kandungan semasa pembinaan rubrik.
- ii. Apakah tahap amalan kejelasan kriteria semasa penggunaan rubrik.
- iii. Adakah terdapat hubungan antara amalan pembinaan dan penggunaan rubrik dengan bilangan kursus yang dihadiri.

#### **5.0 METODOLOGI**

Reka bentuk kajian rintis ini adalah tinjauan yang dilaksanakan secara deskriptif. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Menurut Muijs (2011), reka bentuk tinjauan bersesuaian dengan kaedah kuantitatif kerana prosedur tinjauan melibatkan pengumpulan data bernombor untuk dianalisis secara statistik bagi menerangkan fenomena.

##### **5.1 Sampel Kajian**

Sampel kajian rintis ini melibatkan pensyarah Institut pendidikan Guru. Kajian rintis di buat di sebuah IPG di Zon Utara. Sampel kajian ini seramai 42 orang pensyarah yang dipilih secara rawak bebas.

##### **5.2 Instrumen Kajian**

Soal selidik ditadbir untuk meninjau amalan pensyarah dalam membina rubrik dan memberi skor komponen kemahiran insaniah menggunakan rubrik. Item dalam soal selidik bertujuan meninjau sejauh mana pensyarah mempraktik prosedur untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan pemarkahan. Instrumen ini diadaptasi dari William Irvin Sauser, Jr. (1978) bertajuk *A Comparative Evaluation of the Effects of Rater Participation and Rater Training on Characteristics of Employee Performance Appraisal*. Pekali

*Cronbach alpha* yang dilaporkan untuk konstruk dalam instrumen ini berada dalam julat 0.65 kepada 0.81. Skala likert diguna dari 1 = Tidak Pernah, 2 = Jarang-Jarang, 3 = Selalu, 4 = Kerap, dan 5 = Sangat Kerap.

Instrumen ini mengandungi dua bahagian:

Bahagian I : Demografik Pensyarah

Bahagian II : Amalan Pensyarah Membina Rubrik Dan Pemberian Skor (Skala Likert).

Jadual 1: Perincian bahagian dalam soal selidik

Bahagian	Perkara	Jumlah Item	Tindakan
I	Latar Belakang Responden (jantina, umur, tahun berkhidmat, kelayakan akademik dan bilangan menghadiri kursus)	5	Pilih skala Nominal
II	Amalan Pensyarah Membina Rubrik Dan Pemberian Skor	24	Pilih Skala Likert 5-mata

### 5.3 Prosedur Analisis Data

Data dari soal selidik dalam kajian ini dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for the Social Science (SPSS Version 20.0)*. Kaedah statistik yang digunakan adalah dalam bentuk deskriptif iaitu min dan sisihan piawai serta ujian Pekali Korelasi Pearson untuk menjawab objektif kajian.

### 6.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dipersembahkan melalui objektif kajian. Respon untuk setiap item soal selidik telah diberi julat baharu bagi mengenal pasti tiga kategori tahap amalan mengikut Noraza dan Aminah Bibi (2012) dan Nik Mohd Rahimi, Zamri dan Kamarulzaman (2008) iaitu lemah (1.00 - 2.33), sederhana (2.34 - 3.67) dan tinggi (3.68 - 5.00).



## **6.1 Mengkaji Tahap Amalan Penjajaran Konstruktif Isi Kandungan Semasa Pembinaan Rubrik**

Amalan pembinaan rubrik diukur dan dioperasikan berdasarkan Skala Likert 5 mata. Jadual 2 menunjukkan perincian item untuk amalan pensyarah dalam konstruk penjajaran konstruktif isi kandungan semasa pembinaan rubrik. Secara keseluruhan, data menunjukkan skor min 3.87 dengan nilai sisihan piawai 0.91. Berdasarkan penentuan skala tahap lemah (1.00 - 2.33), sederhana (2.34 - 3.67) dan tinggi (3.68 - 5.00), amalan keseluruhan pensyarah dalam konstruk penjajaran konstruktif isi kandungan semasa pembinaan rubrik berada pada tahap tinggi. Sebilangan besar responden menunjukkan kecenderungan untuk setuju bahawa pensyarah akur kepada prosedur kerja semasa pembinaan rubrik.

Hampir semua pensyarah menunjukkan tahap yang sederhana pada item merujuk dokumen KI induk IPGM semasa menggubal rubrik jadual spesifikasi tugas (min= 3.64). Amalan pensyarah adalah tinggi pada item berbincang dengan rakan mengajar tentang kesesuaian rubrik (min= 3.93). Menunjukkan rubrik yang dibina kepada pakar kursus (SME) juga menjadi prosedur wajib kerana kebanyakan pensyarah mencapai tahap tinggi bagi item ini (min=4.02). Pensyarah juga menunjukkan tahap yang tinggi bagi amalan merujuk hasil pembelajaran kursus (CLO) dalam ringkasan maklumat kursus (RMK) untuk pastikan jajaran yang tepat dari aspek komponen KI (min=3.93). Bagi komponen KI sendiri amalan pensyarah berada pada tahap tinggi untuk pastikan penjajaran yang tepat dari aspek jenis tugas (min=3.93) dan pernyataan perlakuan (min=3.76).

Jadual 2: Min Dan Sisihan Piawai Amalan Pensyarah dalam Konstruk Penjajaran Konstruktif semasa Pembinaan Rubrik

Item	Min	Sisihan Piawai
Semasa membina rubrik, berapa kerapkah anda:		
Merujuk modul pentaksiran KI yang dibekalkan IPGM	3.64	1.03
Berbincang dengan rakan mengajar kesesuaian rubrik	3.93	.97
Menunjukkan rubrik yang dibina kepada pakar kursus (SME)	4.02	.92
Membuat penjajaran CLO dan komponen KI	3.93	1.13

Membuat penjajaran jenis tugas dan komponen KI	3.93	1.13
Membuat penjajaran pernyataan perlakuan dan komponen KI	3.76	1.12

Min Keseluruhan = 3.87; Sisihan Piawai = 0.91; Tahap Amalan = Tinggi

## 6.2 Mengkaji Tahap Amalan Kejelasan Kriteria Semasa Menggunakan Rubrik

Amalan pentaksiran dioperasikan berdasarkan ciri kedua dalam metarubrik iaitu konstruk kejelasan kriteria semasa penggunaan rubrik. Jadual 3 menunjukkan min dan sisihan piawai untuk amalan pensyarah bagi konstruk ini. Secara keseluruhan, data menunjukkan amalan pensyarah berada pada tahap sederhana (min=3.18; sp= 0.90). Amalan pensyarah berada pada tahap tinggi (min=3.90) pada item mengubah suai ayat dalam sel julat pemarkahan rubrik mengikut spesifikasi kursus diajar. Walau bagaimanapun, kesukaran wujud semasa pencerapan dan pemberian markah. Ini ditunjukkan dari min yang diperolehi bagi item berikut berada pada tahap sederhana (2.34 - 3.67). Item berikut adalah mengalami kesukaran untuk pemberian markah kerana ayat pada rubrik terlalu panjang (min=3.02), mengalami kesukaran kerana dua atau lebih perlakuan untuk dicerap dalam satu tahap markah (min=3.12), mengalami kesukaran kerana dua atau lebih perlakuan sukar dibeza dalam satu tahap markah (min=3.01) dan mengalami kesukaran kerana perbezaan perlakuan antara satu tahap markah sukar dibeza (min=3.01).

Penerokaan lebih mendalam bagi item bilangan kursus pentaksiran KI menggunakan rubrik yang pernah dihadiri menunjukkan kebanyakan pensyarah (81.00%) mengikuti kursus KI satu kali sahaja sepanjang perkhidmatan. Sebahagian pensyarah (40.50%) tidak pernah menghadiri sebarang kursus pemberian markah melalui pemerhatian dengan merujuk kepada rubrik manakala 33.30% hanya mengikuti sekali sahaja kursus berkenaan sepanjang perkhidmatan. Merujuk kepada data pengalaman menghadiri kursus ini, penyelidik berpendapat ini jawapan mengapa pensyarah menunjukkan tahap yang sederhana (min=3.00) pada item mengubah suai ayat pada sel rubrik jika ada kekeliruan selepas pensampelan. Pensyarah mengambil jalan mudah kerana tiada pengetahuan dan kemahiran yang cukup untuk mendefinisi secara operasi kualiti yang diharapkan dari pelajar.

Jadual 3: Min Dan Sisihan Piawai Amalan Pensyarah dalam Konstruk Pentaksiran Kemahiran Insaniah Menggunakan Rubrik (N=42).

Item	Min	Sisihan Piawai
Semasa membina rubrik, berapa kerapkah anda:		
Mengubah suai ayat dalam sel julat pemarkahan rubrik mengikut spesifikasi kursus diajar	3.90	.79
Mengubah suai ayat pada sel rubrik jika ada kekeliruan selepas pensampelan	3.00	1.43
Mengalami kesukaran untuk pemberian markah kerana ayat pada rubrik terlalu panjang	3.02	1.42
Mengalami kesukaran untuk pemberian markah kerana dua atau lebih perlakuan untuk dicerap dalam satu tahap markah	3.12	1.29
Mengalami kesukaran untuk pemberian markah kerana dua atau lebih perlakuan sukar dibeza dalam satu tahap markah	3.01	1.19
Mengalami kesukaran untuk pemberian markah kerana perbezaan perlakuan antara satu tahap markah sukar dibeza	3.01	1.31

Min Keseluruhan = 3.18; Sisihan Piawai = 0.90; Tahap Amalan = Sederhana

### **6.3 Mengkaji Hubungan Antara Amalan Pentaksiran Kemahiran Insaniah Menggunakan Rubrik Dengan Bilangan Kursus Yang Dihadiri**

Penerokaan lebih lanjut dibuat dengan mengkaji hubungan antara amalan pentaksiran kemahiran insaniah menggunakan rubrik dengan bilangan kursus yang dihadiri (Jadual 4). Hubungan diuji menggunakan Ujian Pekali Korelasi Pearson. Paras signifikan yang ditetapkan ialah  $p < 0.01$ . Secara umum, dapatan menunjukkan amalan pentaksiran mempunyai hubungan yang signifikan dengan kekerapan mengikuti kursus kemahiran insaniah ( $r=0.404$ ), kekerapan mengikuti kursus persampelan tugas melalui pemerhatian ( $r=0.422$ ) dan kekerapan mengikuti kursus pemberian markah melalui pemerhatian dengan merujuk kepada rubrik ( $r=0.472$ ). Dapatan kajian bagi hubungan antara amalan pentaksiran kemahiran insaniah melalui rubrik dengan bilangan kursus yang dihadiri menunjukkan hipotesis nol ditolak pada aras keyakinan 99 peratus. Ini bermakna bahawa amalan pentaksiran pensyarah mempunyai hubungan yang signifikan dengan bilangan kursus yang dihadiri.

Jadual 4: Hubungan Antara Amalan Pentaksiran Kemahiran Insaniah Menggunakan Rubrik dengan Bilangan Kursus yang Dihadiri

Konstruk	1	2	3	4
i. Amalan pensyarah.	-	.404*	.422*	.472*
ii. Ke kerap an meng ikuti kursus kemahiran insaniah.		-	.439*	.536*
iii. Ke kerap an meng ikuti kursus persampelan tugas an melalui pemerhatian.			-	.902*
iv. Ke kerap an meng ikuti kursus pemberian markah melalui pemerhatian dengan merujuk kepada rubrik.				-

\* Tahap signifikan  $p < 0.01$

## 7.0 PERBINCANGAN

Kajian rintis ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat awal tahap amalan pensyarah IPG dalam konstruk penjajaran konstruktif isi kandungan semasa pembinaan rubrik dan kejelasan kriteria semasa penggunaan rubrik. Hubungan antara amalan pembinaan dan penggunaan rubrik dengan bilangan kursus yang dihadiri pensyarah juga dibincangkan.

Secara keseluruhan hasil dapatan menunjukkan tahap amalan pensyarah bagi konstruk penjajaran konstruktif isi kandungan semasa pembinaan rubrik berada pada tahap tinggi. Untuk konstruk kejelasan kriteria semasa penggunaan rubrik pula, tahap amalan pensyarah berada pada tahap sederhana sahaja. Dapatan kajian bagi hubungan antara amalan pentaksiran kemahiran insaniah menggunakan rubrik dengan bilangan kursus yang pensyarah hadiri menunjukkan hubungan yang signifikan.

Kajian ini selari dengan perubahan program yang dilaksanakan dalam sistem IPG. Pada tahun 2017, pensyarah wajib mentaksir elemen KI dengan menggunakan rubrik. Sebagai sokongan, Institut Pendidikan Guru Malaysia telah mengeluarkan modul kaedah pengajaran dan pentaksiran elemen kemahiran insaniah bersekali dengan rubrik sebagai panduan pentaksiran elemen KI kepada pensyarah. Langkah yang telah diambil IPG untuk

memantapkan pedagogi dan pentaksiran KI pensyarah adalah selari dengan saranan Baartman, Bastiaens, Kirschner dan Van der Vleuten (2007) yang menegaskan pendidikan perlu berubah dari satu sistem pemindahan pengetahuan dan kemahiran yang terpencil kepada satu sistem pemerolehan ilmu yang kompleks dan lebih kompeten.

Menurut Biggs' (1996), perubahan pada kurikulum akan turut sama merubah sistem pentaksiran dalam pendidikan sistem tersebut. Beliau menambah, penjajaran konstruktif perlu dibuat antara pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran. Konsep ini turut terkandung dalam pendidikan berasaskan hasil atau lebih dikenali "*outcome based education*" (MQA,2008). Tahap tinggi yang ditemui pada dapatan konstruk penjajaran konstruktif isi kandungan semasa pembinaan rubrik memberi nilai yang positif pada amalan semasa pensyarah. Implikasi dapatan kajian ini dikaitkan dengan amalan tepat dalam membina rubrik dari aspek penjajaran konstruktif isi kandungan. Ketepatan dalam penjajaran isi kandungan dan pentaksiran juga diperkatakan oleh Alderson & Wall (1993).

Dapatan bagi konstruk yang kedua iaitu kejelasan kriteria semasa penggunaan rubrik pula menunjukkan tahap amalan pensyarah berada pada tahap sederhana sahaja. Aspek pemberian markah melalui pemerhatian dilihat kritikal dengan min yang diperolehi pada julat (3.00-3.02) sahaja. Perincian item menunjukkan wujud masalah dalam menggunakan rubrik. Antara yang dikesan dalam dapatan adalah kesulitan mentaksir kriteria untuk pemberian markah pada satu julat markah kerana ayat pada rubrik terlalu panjang. Dua atau lebih perlakuan yang tercatat pada rubrik menyulitkan pencerapan dan pemarkahan pada masa yang sama. Begitu juga dua atau lebih perlakuan juga sukar dibeza dalam satu tahap julat markah. Antara dua julat markah pula, perbezaan perlakuan yang tercatat dalam rubrik juga sukar dibeza.

Tahap amalan yang agak lemah menunjukkan wujudnya kelemahan rubrik sedia ada. Kelemahan ini mungkin membawa kepada keluwesan pemberian markah dalam kalangan pensyarah. Berdasarkan tinjauan bacaan, situasi yang sama turut diperkatakan oleh penyelidik terdahulu. Dunbar, Koretz dan Hoover (1991) menyebut pentaksiran melalui pemerhatian menimbulkan isu baru iaitu kebolehpercayaan pemarkahan kerana pemberi markah yang berbeza melihat sesuatu perlakuan dengan justifikasi yang berbeza. Tidak konsisten dalam latar pemberian markah turut diperkatakan oleh Wibrow (2011). Penemuan Wibrow membuktikan pendidik dalam kajian beliau turut menghadapi kesukaran yang sama dan menyatakan pentingnya latihan dan pengalaman dalam konteks pentaksiran KI. Dapatan ini memberi gambaran akan peri pentingnya program pembinaan rubrik dengan menekankan kepada penggunaan istilah yang tepat untuk membezakan

kriteria yang terkandung dalam tahap julat markah. Pengubahsuaian pada ayat perlu dilakukan pada rubrik untuk menjelmakan lagi kualiti yang dikehendaki pada pelajar.

Dapatan kajian bagi hubungan antara amalan pentaksiran kemahiran insaniah menggunakan rubrik dengan bilangan kursus yang dihadiri menunjukkan amalan pentaksiran pensyarah mempunyai hubungan yang signifikan dengan bilangan kursus yang dihadiri. Implikasi dapatan ini menunjukkan keperluan mendedahkan pensyarah dengan kursus yang lebih banyak. Apabila dipetakan dengan kelemahan pensyarah dalam aspek penulisan rubrik dengan kriteria yang lebih jelas, maka satu kursus yang menekankan konsep kesahan dan kebolehpercayaan semasa membina dan menggunakan rubrik perlu dilaksanakan. Xu dan Brown (2016) menegaskan pentingnya latihan untuk memantapkan literasi pentaksiran pendidik.

Isu yang sama diperkatakan oleh Albon dan Jewels (2014) dan Lawson et al., (2011). Menurut penyelidik ini lagi, situasi meruncing apabila pendidik sendiri tidak pernah mengalami pengalaman dalam pemupukan kemahiran insaniah semasa pendidik ini berada peringkat pengajian dahulu. Menurut Hampson dan Junor (2009) dan Linda dan Denise (2014), kesulitan juga timbul untuk mengukur hasil pembelajaran yang diharapkan dalam situasi kelas. Menurut Hampson dan Junor (2009), garis panduan yang lemah berhubung kerangka kemahiran insaniah terutama aspek prestasi standard yang diharapkan juga menyumbang kepada kesulitan dalam konsistensi penilaian. Berdasarkan kajian lepas ini, maka program pemantapan pemberian markah dengan mengambil kira aspek konsistensi penilaian antara pensyarah perlu dibuat.

## **8.0 KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, data menunjukkan amalan pensyarah dalam konstruk penjajaran konstruktif isi kandungan semasa pembinaan rubrik berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, beberapa kelemahan dikenal pasti dalam pelaksanaan sebenar pencerapan dan pemberian markah. Ujian Pekali Korelasi Pearson menunjukkan amalan pentaksiran akan bertambah baik apabila bilangan kursus yang dihadiri meningkat. Implikasi dapatan ini menunjukkan keperluan mendedahkan konsep kesahan dan kebolehpercayaan semasa membina dan menggunakan rubrik. Dalam konteks psikometrik pula, ketidakupayaan

pensyarah mempraktik proses pemberian markah yang adil kepada pelajar boleh mencetuskan isu ketekalan dan kebolehpercayaan pemberian markah antara pensyarah.

## **9.0 CADANGAN**

Ini adalah kajian awal semenjak rubrik diperkenalkan bagi mentaksir kemahiran insaniah pelajar di Institut Pendidikan Guru. Dapatan kajian ini menjadi satu titik mula kepada penyelidik untuk meneroka lebih lanjut tentang kebolehpercayaan rubrik yang dibina oleh pensyarah. Bagaimana pensyarah menetapkan konsistensi pemarkahan menjadi isu yang penting untuk dikaji kerana kelemahan dari aspek ini boleh menjejaskan kebolehpercayaan gred yang ditunjukkan dalam transkrip graduan siswa pendidik. Kefahaman yang jelas dan pelaksanaan yang tepat tentang kaedah penyampaian dan penilaian kemahiran insaniah merupakan asas yang menjadikan pentaksiran hasil pembelajaran lebih bermakna. Beberapa siri bengkel perlu dibuat untuk memberi pemahaman kepada pensyarah IPG bagaimana menjajarkan tujuh domain KI dengan rubrik yang tepat dan mudah tadbir. Seterusnya, menambah baik amalan sedia ada pensyarah dalam pentaksiran kemahiran insaniah menggunakan rubrik.

**RUJUKAN**

- Albon, R., & Jewels, T. (2014). Mutual performance monitoring: Elaborating the development of a team learning theory. *Group Decision and Negotiation*, 23(1), 149-164. Diakses pada 25 November 2016 dari <http://dx.doi.org/10.1007/s10726-012-9311-9>.
- Alderson, J. C., & Wall, D. (1993). Does washback exist?. *Applied Linguistics*, 14, 115-129.
- Arter, J., and J. McTighe. (2001). *Scoring rubrics in the classroom: Using performance criteria for assessing and improving student performance*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Baartman, L. K. J., Bastiaens, T. J., Kirschner, P. A., & Van der Vleuten, C. P. M. (2007). Evaluation assessment quality in competence-based education: A qualitative comparison of two frameworks. *Educational Research Review*, 2, 114-129.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2007). *Buku panduan program ijazah sarjana muda perguruan dengan kepujian*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Biggs, J. (1996). Enhancing teaching through constructive alignment. *Higher Education*, 32, 347-364.
- Brownell, M. T., Ross, D. D., Colon, E. P., & McCallum, C. L. (2005). Critical features of special education teacher preparation: A comparison with general teacher education. *The Journal of Special Education*, 38, 242-252.
- Coiacetta, E., Jones, M., & Jackson, J. (2011). How best to assess students' learning in work placements: moving beyond current practice. *Australian Planner*, 48, 270-280.
- Cranmer, S. (2006). Enhancing graduate employability: Best intentions and mixed outcomes. *Studies in Higher Education*, 31, 169-184.
- Dunbar, S. B., Koretz, D. M., & Hoover, H. D. (1991). Quality control in the development and use of performance assessment. *Applied Measurement in Education*, 4, 289-303.
- Fatiha, S., Abd Razak, Z., & Shanina Sharatol, A. S. (2013). Novice teachers challenges and survival: Where do Malaysian ESL Teachers Stand. *American Journal of Educational Research*, 1 (4), 119-125.



- Hampson, I. & Junor, A. (2009). 'Employability' and the substance of soft skills. *Proceedings of the 27th International Labour Process Conference*, Edinburgh, Scotland.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2016). *Modul Kursus Kaedah Pengajaran dan Pentaksiran Elemen Kemahiran Insaniah Institut Pendidikan Guru Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia*. Selangor: Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi . (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk PengajianTinggi Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). (2011). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)*. Diakses pada 18 Oktober 2016 dari <http://apps.cfm.ump.edu.my/staff/estrategi/dokumen/pdf/Himpunan%20Pencapaian%20Projek%20PSPTN%20Fasa%201.pdf>
- Lawson, R., Fallshaw, E., Papadopoulos, T., Taylor, T., & Zanko, M. (2011). Professional learning in the business curriculum: Engaging industry, academics and students. *Asian Social Science*, 7(4), 61-68. Diakses pada 12 November 2016 dari <http://ro.uow.edu.au/cgi/viewcontent.cgi?article=3154&context=commpaes>
- Linda, R. & Denise, J. (2014) .The Use of Rubricsin Benchmarking andAssessing EmployabilitySkills.*Journal of Management Education*, 2014, Vol. 38(3), 319– 344.
- Malaysian Qualifications Agency (MQA). (2008). *Code of practice for programme Accreditation*. Selangor, Malaysia: Malaysian Qualifications Agency, (MQA).
- Mertler, C. A. (2001). *Classroom assessment literacy inventory*. Diakses pada 1 Disember 2016 dari <http://pareonline.net/htm/v8n22/cali.htm>
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Noor Shah Saad, Husni Zaim Khairun Nasri & Nur Nazurah Mat Yusof. (2013). *Transformasi pembinaan instrumen kajian terhadap pengurusan pengajaran guru*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan kali ke IV Majlis Dekan Pendidikan IPTA, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Moskal, B.M., and J.A. Leydens. (2000). Scoring rubric development: Validity and reliability. *Practical Assessment, Research & Evaluation* 7, no. 10: 71–81. Diakses pada 25 November 2016 dari <http://pareonline.net/getvn.asp?v=7&n=10>
- Muijs, D. (2011). *Doing Quantitative Research in Education with SPSS*. London: SAGE Publications Ltd.

- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamood, & Kamarulzaman Ab. Ghani. (2008). Motivasi pembelajaran kemahiran mendengar Bahasa Arab dan hubungannya dengan pencapaian pelajar [Versi elektronik]. *Jurnal Pendidikan*, 33, 3-18.
- Nooraza Binti Othman dan Aminah Bibi Binti Bawamohiddin.(2012). *Keberkesanan Penggunaan Jadual Spesifikasi Pentaksiran (JSP) Di Dalam Kurikulum Politeknik Malaysia: Kajian Kes Di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) dan Jabatan Matematik Sains Dan Komputer (JMSK)*. Prosiding Seminar Transformasi Pendidikan teknikal.
- Paisey, C. (2010). Developing skills via work placements in accounting: Student and employer views. *Accounting Forum*, 34, 89-108.
- Pasanen, S.E. (2000). *Emotional Intelligence, conscientiousness and integrity as predictors of organizational citizenship behavior*. Thesis Master of Arts. University of Carlifornia, Los Angeles.
- Popham, W.J. (1997). What's wrong – and what's right – with rubrics. *Educational Leadership*, 55, no. 2: 72–85.
- Pritchard, J. (2013). *The importance of soft skills in entry-level employment and postsecondary success: Perspectives from employers and community colleges*. Seattle Jobs Initiative [SJI]. Diakses pada 27 November 2016 dari [http://www.seattlejobsinitiative.com/wp-content/uploads/SJI\\_SoftSkillsReport\\_vFINAL\\_1.17.13.pdf](http://www.seattlejobsinitiative.com/wp-content/uploads/SJI_SoftSkillsReport_vFINAL_1.17.13.pdf)
- Sabddin Hussin bin Alipin. (2013). *Hubungan gaya kepimpinan pengetua dan stres dengan hasrat meninggalkan profesion perguruan*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengurusan Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah. (Tidak Diterbitkan).
- Syed Sofian Salim & Rohani Nasir. (2010). Kesan kecerdasan emosi ke atas tekanan kerja dan niat berhenti kerja profesion perguruan. *Jurnal Bangi*, Jilid 5(1), 53-68.
- Wibrow, B. (2011). *Employability skills: At a glance*. Diakses pada 25 September 2016 dari <http://www.ncver.edu.au/publications/2404.html>.
- William Irvin Sauser, Jr. (1978). *A Comparative Evaluation Of The Effects Of Rater Participation And Rater Training On Characteristics Of Employee Performance Appraisal*. Doctor of Philosophy in the School of Psychology. Georgia Institute of Technology. (Tidak Diterbitkan).

- World Bank. (2012). *Putting higher education to work: Skills and research for growth in East Asia*. Diakses pada 24 September 2016 dari [http://siteresources.worldbank.org/EASTASIAPACIFICEXT/Resources/226300-1279680449418/7267211-1318449387306/EAP\\_higher\\_education\\_fullreport.pdf](http://siteresources.worldbank.org/EASTASIAPACIFICEXT/Resources/226300-1279680449418/7267211-1318449387306/EAP_higher_education_fullreport.pdf)
- Xu, Y., & Brown, G. T. L. (2016). Teacher Assessment Literacy in Practice: A Reconceptualization. *Teaching and Teacher Education*, 58, 149-162.
- Yoon, K., Duncan, T., Lee, S., Scarloss, B., & Shapley, K. (2007). *Reviewing The Evidence on How Teacher Profesional Development Affects Student Achievement* (Issues & Answers Report, REL 2007-No. 033). Washington, DC: U.S. Diakses pada 24 September 2016 dari <http://ies.ed.gov/ncee/edlabs>
- Yusof Boon & Tumirah Jemon. (2011). *Pelaksanaan program guru permulaan di sekolah kebangsaan zon Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.